

Tiada  
surat letak  
jawatan  
dari Sanusi  
PM

U.M. 27 OCT 1993  
SUBANG 26 Okt. —Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa beliau tidak menerima sebarang surat perletakan jawatan daripada Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dalam pertemuan mereka di London, baru-baru ini.

“Tidak ada surat letak jawatan....tidak cakap langsung fasal itu,” katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Cyprus.

Perdana Menteri berkata, pertemuan beliau dengan Sanusi adalah secara kebetulan kerana pada masa itu kedua-dua mereka berada di London.

“Tidak ada apa...cuma saya ada di London, dia ada di London...saya jumpa dengan dia,” katanya.

Mahathir berkata, dalam pertemuan itu beliau hanya ingin mengetahui pandangan Sanusi mengenai perkembangan dalam UMNO.

“Saya hendak tahu, apa dia punya pandangan, jadi dia bagilah pandangan dia,” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas laporan media baru-baru ini bahawa Menteri Pertanian itu telah menyerahkan surat perletakan jawatannya.